

# 183 penumpang terperangkap, monorel terkandas

KOSMO 12/8/12  
MS 6

**KUALA LUMPUR** - Seramai 183 penumpang monorel terperangkap kira-kira satu jam apabila pengangkutan awam itu rosak di landasan antara Stesen Tun Sambathan dan KL Sentral berhampiran Wisma Monorel di Jalan Tebing, Brickfields di sini semalam.

Dalam kejadian pukul 2.19 petang itu, seorang wanita yang hamil empat bulan sesak nafas manakala dua penumpang lain cedera ringan akibat terkena serpihan kaca dan dibawa ke Hospital Kuala Lumpur untuk rawatan lanjut.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail berkata, sebanyak enam jentera dikejarkan ke lokasi kejadian untuk mengeluarkan penumpang di dalam gerabak itu.

"Kita mengambil masa sejam untuk menyelamatkan penumpang dengan mangsa pertama diselamatkan ialah seorang wanita mengandung," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid memberitahu, kesemua penumpang tersebut diselamatkan dengan menggunakan dua kaedah.

"Seramai 120 penumpang dipindah menggunakan sebuah monorel dari laluan bertentangan manakala yang selebihnya dipindah menggunakan alat tangga cakera putar," katanya.

Difahamkan, kerosakan tersebut dipercayai berlaku akibat masalah teknikal kerana terlebih muatan. Kerja-kerja menyelamatkan selesai sepenuhnya pada pukul 4 petang.



**PASUKAN** bomba memberi bantuan kepada penumpang yang terperangkap di dalam tren monorel berhampiran Wisma Monorel di Jalan Tebing, Brickfields, Kuala Lumpur semalam.